

Kekaumas jaga kebajikan ahli

► Turut ketengah isu dan masalah ahli kepada Cuepacs

LABUAN: Kesatuan Kakitangan Am Universiti Malaysia Sabah (Kekaumas) sentiasa menjagakebajikanahlinya di universiti berkenaan.

Presiden Kekaumas UMS, Amat Jutrah Haji Musneh berkata, kebajikan itu membabitkan ahli di UMS Kampus Induk, Cawangan Labuan dan Cawangan Sandakan.

Katanya, pelbagai isu dan masalah yang dihadapi ahli telah, sedang dan akan ditangani oleh kesatuan itu termasuk yang membabitkan kerjaya, kesihatan dan pendidikan ahli serta keluarga mereka.

Beliau berkata, melalui kesatuan itu, pihaknya turut mengajukan isu dan masalah ahli dari UMS

untuk diketengahkan kepada Cuepacs di Putrajaya untuk tindakan selanjutnya.

“Kekaumas akan terus menjaga kebajikan kakitangan UMS yang telah menjadi ahli kesatuan. Banyak isu dan masalah telah kami tangani dan selesaikan selama ini,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengetuai Exco Kekaumas mengadakan kunjungan hormat terhadap Pengarah UMS Kampus Antarabangsa Labuan, Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik di pejabatnya di Aras 13, Bangunan Menara, kelmarin.

Turut hadir Pengerusi Kekaumas Cawangan Labuan, Asmadi Abas.



MURNIZAM (duduk dua kanan) menerima kunjungan hormat Exco Kekaumas yang diketuai Amat Jutrah (duduk kanan) di pejabatnya di UMS Labuan, kelmarin.

Sementara itu Dr Murnizam berkata, pihaknya sentiasa

mengalu-alukan cadangan dan pendapat daripada Kekaumas untuk manfaat

ahlinya di UMS Labuan. “Banyak program dan aktiviti boleh diadakan

untuk manfaat ahli yang telah membayar yuran,” katanya.